

Sidang bincang isu pemulihan pesalah berumur

DENGAN jumlah penghuni penjara yang sudah berumur semakin meningkat, mereka serta golongan penghuni muda merupakan golongan yang paling dibimbangkan semasa proses pemulihan.

Itulah antara isu yang diketengahkan semalam dalam satu persidangan mengenai pendekatan bagi proses pemulihan pesalah.

Menurut Profesor Paul Cheung daripada Pusat Penyelidikan Perkhidmatan Sosial di Universiti Nasional Singapura (NUS), jumlah pesalah melebihi 60 tahun bertambah dua kali ganda – daripada 243 pada 2010 kepada 650 pada tahun lalu atau lebih 5.4 peratus daripada jumlah keseluruhan penghuni penjara.

Profesor Cheung berkata: “Bagi mereka yang sudah tua, adakah hukuman berat dan lama dalam penjara benar-benar menghalang jenayah daripada dilakukan dan memperbaiki peluang pemulihan?”

Beliau menambah bahawa Singapura boleh mengambil pelajaran daripada Jepun, di mana terdapat laporan tentang warga tua yang terlibat dalam jenayah atas sebab kemiskinan, kesunyian dan kurangnya dorongan sosial sekeliling.

“Ternyata sokongan masyarakat adalah unsur penting dalam membantu pesalah berumur,” katanya.

Tetamu terhormat di persidangan tersebut, Menteri Kedua Ehwal Dalam Negeri merangkap Menteri Kedua Pembangunan Negara, Encik Desmond Lee, menekankan perlunya mengadakan pemulihan pada peringkat awal dan dengan lebih terperinci lagi.

Misalnya, program Youth Triangle yang dikenalkan tahun lepas membolehkan pekerja sosial menemu ramah belia selepas mereka diberkas.

Encik Lee menjelaskan bahawa usaha perlu diteruskan selepas pesalah pulang ke

pangkuhan masyarakat sekali lagi serta mengukuhkan sokongan keluarga termasuk mempertimbang isu seperti pendapatan, pergerakan sosial dan mengurangkan stigma.

Persidangan selama sehari itu turut mendengar ucapan daripada anggota panel termasuk Cik Yvonne Kirk daripada cawangan penilaian pemulihan Perkhidmatan Penjara Singapura.

Antara isu yang dikemukakkannya termasuk kajian yang dilakukan dalam penjara, yang menunjukkan penghuni yang melalui pendekatan secara menyeluruh lebih jarang mengulangi jenayah mereka berbanding pesalah yang hanya menjalani proses ‘campur tangan’ selepas mereka dibebaskan.

Penceramah lain termasuk Profesor Madya Ganapathy Narayanan, juga daripada NUS. Beliau berbincang tentang penyertaan semula pesalah ke dalam masyarakat.